

BAB II

LATAR BELAKANG PERUSAHAAN PERIKANAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA 1955 - 2000

2.0 PENGENALAN

Perkembangan ringkas sektor perikanan di Semenanjung Malaysia boleh dilihat dari segi pendaratan ikan, eksport dan import hasil perikanan, penggunaan bot, penggunaan perkakas dan bilangan nelayan. Hasil dari permintaan ikan yang tinggi untuk menampung keperluan penduduk dalam negara yang bertambah dan juga untuk mendapatkan tukaran wang asing melalui eksport hasil perikanan, maka kerajaan telah mengambil pendekatan modenisasi untuk meningkatkan pendaratan ikan. Penggunaan perkakas moden seperti pukat tunda yang berkembang pesat sejak tahun 1960an telah berjaya meningkatkan pendaratan ikan dengan efisien. Namun demikian timbul masalah pendaratan ikan tidak terkawal apabila bot-bot pukat tunda beroperasi di kawasan pinggir pantai. Keadaan ini telah menyebabkan pendaratan ikan melebihi tahap optimum (*MSY-Maximum Sustainable Yield*) yang mana ia akan menyebabkan kemusnahan sumber perikanan di perairan negara ini.

Menyedari masalah kepupusan sumber akibat pendaratan ikan baja yang berlebihan oleh pukat tunda maka kerajaan mula mengawal penangkapan ikan dengan mengurangkan pengeluaran lesen pukat tunda. Selain dari itu kerajaan juga menggalakkan nelayan berpindah ke sektor lain kerana kerajaan beranggapan negara mengalami lebihan nelayan. Hasil dari langkah ini maka bilangan nelayan dan bot telah merosot mulai tahun 1980an.


Kemerosotan bilangan bot dan nelayan ini telah menyebabkan pendaratan ikan merosot di awal tahun 1980an. Bagaimanapun, pada masa yang sama juga permintaan ikan dalam dan luar negara semakin meningkat. Keadaan ini menyebabkan Kerajaan terpaksa mencari jalan untuk meningkatkan pendaratan ikan bagi menampung keperluan negara dan juga untuk dieksport bagi mendapatkan tukaran wang asing.

Antara langkah penting yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan adalah dengan menggalakkan nelayan menyertai akuakultur dan menangkap ikan di laut dalam. Namun demikian, satu masalah besar dalam penerokaan sumber perikanan laut dalam yang dihadapi adalah kekurangan nelayan tempatan untuk bekerja di atas bot-bot perikanan laut dalam. Untuk mengatasi masalah ini pihak kerajaan telah membenarkan operasi bot laut dalam dengan menggunakan perkhidmatan buruh asing dari Thailand. Bagi melihat bagaimana perkembangan sektor perikanan di Semenanjung Malaysia sehingga mendorong kepada kemasukan buruh perikanan Thai, maka perlu dilihat secara terperinci perkembangan pendaratan ikan, eksport dan import hasil perikanan, penggunaan bot, penggunaan perkakas dan juga bilangan nelayan.

2.1 PERKEMBANGAN PENDARATAN IKAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Sektor perikanan di Semenanjung Malaysia telah berkembang dengan pesat sejak tahun 1955 hingga 2000. Pendaratan ikan pada tahun 1955 yang hanya sebanyak 111,173 tan metrik, telah meningkat sebanyak 840 peratus kepada 933,893 tan metrik pada tahun 2000. (Sila lihat Rajah 2.1) Peningkatan sebanyak lapan kali ganda ini adalah disebabkan permintaan yang semakin meningkat terhadap ikan dan hasil perikanan akibat daripada

Rajah 2.1 : Pendaratan Ikan Dan Ikan Baja Di Semenanjung Malaysia Tahun 1955 - 2000



Sumber : Data-data Disusun Semula Daripada Perangkaan Tahunan Perikanan 1955 – 2000,
Jabatan Perikanan Malaysia, Kuala Lumpur, 1955-2000.

pertumbuhan penduduk dalam negara. Setiap seorang dari penduduk sentiasa memerlukan sumber makanan, iaitu sumber protein daripada ikan yang murah. Selain dari itu, peningkatan ini juga disebabkan oleh permintaan dari negara-negara pengimport ikan yang juga semakin meningkat.

Trend pendaratan ikan berkenaan jika diperhalusi, didapati antara tahun 1955 ke tahun 1975 pendaratan ikan telah bertambah secara mendatar. Perkembangan mendatar ini berlaku disebabkan oleh beberapa faktor, seperti pendaratan ikan lebih bergantung kepada hasil-hasil perikanan perairan pinggir pantai. Selain itu dalam tempoh ini juga telah berlakunya hujan lebat dan laut bergelora setiap tahun pada bulan Oktober hingga Disember 1970 yang telah menghalang nelayan-nelayan untuk keluar menangkap ikan di laut, seperti yang diketahui banjir besar telah berlaku di Semenanjung Malaysia pada bulan Disember 1970 dan Januari 1971.¹ Dalam tempoh ini juga, belum berkembangnya penggunaan teknologi moden dalam penangkapan ikan.

Trend pendaratan ikan meningkat secara mendadak antara tahun 1975 ke 1980 iaitu dari sebanyak 375,235 tan metrik pada tahun 1975 kepada 623,898 tan metrik pada tahun 1980. Peningkatan yang agak mendadak ini adalah sebanyak 66.27 peratus. Peningkatan telah berlaku disebabkan pemodenan dari segi penggunaan bot, perkakas dan kemudahan infrastruktur yang akan dibincangkan secara lebih teliti kemudian. Penggunaan pukat tunda pada tahun 1970 menyumbang kepada pendaratan ikan iaitu sebanyak 28.80 peratus dari keseluruhan pendaratan ikan laut dan pada tahun 1980 telah meningkat kepada 36.42 peratus. Pendaratan perikanan pinggir pantai di Semenanjung Malaysia dalam tempoh ini telah mencapai tahap optimum. Sebarang perkembangan selanjutnya ke atas sektor perikanan akan

mendatangkan akibat yang buruk. Jelaslah di sini bahawa dengan adanya pemodenan dari segi bot dan perkakas sedikit sebanyak telah membantu meningkatkan pendaratan ikan di Semenanjung Malaysia dalam tempoh berkenaan.

Pendaratan ikan di Semenanjung Malaysia merosot dengan mendadak antara tahun 1980 ke tahun 1985 akibat daripada pengawalan penangkapan ikan oleh pihak kerajaan dengan mengawal pengeluaran lesen serta mengurangkan bilangan nelayan. Pengawalan tangkapan ikan ini kerana pengeksplotasian sumber perikanan pinggir pantai yang melebihi peringkat *Maximum Sustainable Yield (MSY)*. Kemerosotan pendaratan dalam tempoh ini adalah sebanyak 25.81 peratus iaitu daripada 623,898 tan metrik pada tahun 1980 kepada 462,861 tan metrik pada tahun 1985.

Pada tahun 1985 ke tahun 1990 sekali lagi hasil pendaratan ikan telah meningkat semula dengan lebih mendadak, iaitu dari 462,861 tan metrik pada tahun 1985 kepada 819,903 tan metrik pada tahun 1990. Peningkatan sebanyak 77.31 peratus ini disebabkan oleh perkembangan sektor perikanan seperti penerokaan yang lebih giat sumber perikanan di kawasan laut pantai dan juga aktiviti-aktiviti menangkap ikan di laut dalam yang semakin bertambah di Semenanjung Malaysia.² Selain dari itu, peningkatan mendadak pendaratan ikan laut ini, juga berpunca daripada penggunaan pukat tunda. Sumbangan pendaratan pukat tunda dari keseluruhan pendaratan ikan pada tahun 1985 adalah 40 peratus dan pada tahun 1990 sumbangan pendaratan pukat tunda telah meningkat kepada 63.02 peratus.

Hasil pendaratan ikan kembali mendatar pada tahun 1990 sehingga tahun 2000. Pada tahun 1990 pendaratan sebanyak 819,903 tan

metrik dan meningkat kepada 933,893 tan metrik pada tahun 2000. Peningkatan purata hanya sebanyak 6.96 peratus dalam tempoh lima tahun. Peningkatan pendaratan secara mendatar ini disebabkan oleh usaha-usaha mendaratkan ikan di laut dalam belum menampakkan hasil yang memuaskan. Di samping itu masalah kepupusan sumber perikanan pantai terutama di Selat Melaka telah mengurangkan peningkatan pendaratan ikan.³

Walaupun pendaratan ikan di Semenanjung Malaysia antara tahun 1955 hingga tahun 2000 menunjukkan trend peningkatan agak ketara, namun demikian peningkatan pendaratan ikan ini tidak boleh dibanggakan kerana telah berlakunya pembaziran sumber perikanan. Pembaziran dalam pendaratan ikan dapat dikenal pasti dengan peningkatan enam kali ganda pendaratan ikan baja⁴ dari keseluruhan pendaratan ikan dalam tempoh 45 tahun. Ini jelas menunjukkan satu pembaziran yang besar di dalam proses pendaratan ikan kerana jika dibiarkan hidup dalam tempoh satu atau dua tahun ikan baja akan menjadi ikan perdagangan.⁵

Keadaan ini dapat dilihat di mana pendaratan ikan baja pada tahun 1955 hanyalah lima peratus sahaja tetapi pada tahun 2000 ia telah meningkat dengan ketara kepada 31.6 peratus. Sebagai perbandingan pendaratan ikan baja pada tahun 1990 adalah sebanyak 302,630 tan metrik iaitu lebih banyak daripada keseluruhan pendaratan ikan pada tahun 1970 yang hanya 299,005 tan metrik. Untuk mendapat penjelasan lanjut perkembangan ikan baja sila lihat Jadual 2.1. Trend peningkatan pendaratan ikan baja didapati seiring dengan peningkatan dan penurunan pendaratan ikan di antara tahun 1955 hingga 2000. Peningkatan pendaratan ikan baja ini ada

Jadual 2.1 : Pendaratan Ikan Baja Dari Keseluruhan Pendaratan Ikan Di Semenanjung Malaysia Tahun 1955 – 2000

Tahun	Pendaratan Ikan (Tan Metrik)	Pendaratan Ikan Baja (Tan Metrik)	Peratusan Ikan Baja
1955	111,173	5,560	5.00
1960	141,700	23,644	16.69
1965	201,551	32,440	16.10
1970	299,005	56,506	18.90
1975	375,235	125,144	33.35
1980	623,898	143,112	22.94
1985	462,861	112,430	24.29
1990	819,903	302,630	36.91
1995	819,464	275,539	33.62
2000	933,893	294,825	31.57

Sumber : Data-data Disusun Semula Daripada **Perangkaan Tahunan Perikanan 1955 - 2000**, Jabatan Perikanan Malaysia, Kuala Lumpur, 1955 - 2000.

kaitannya dengan pendekatan modenisasi yang dijalankan oleh pihak kerajaan seperti penggunaan pukat tunda yang akan dibincangkan kemudian.

2.2 PERKEMBANGAN EKSPORT DAN IMPORT HASIL PERIKANAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Sejak tahun 1956 sehingga tahun 2000, jumlah eksport hasil perikanan bagi Semenanjung Malaysia telah menunjukkan peningkatan secara mendadak sebanyak 513.33 peratus iaitu dari 17,820 tan metrik pada tahun 1955 kepada 109,295 tan metrik pada tahun 2000. Namun demikian jika diteliti dengan lebih terperinci peningkatan kuantiti eksport Semenanjung Malaysia pada tahun 1956 (17,820 tan metrik) hingga 1970 (108,955 tan metrik) peningkatan adalah secara mendatar iaitu secara purata 1.70 peratus bagi setiap lima tahun. Perkara ini berlaku kerana dalam tempoh masa berkenaan kuantiti pendaratan ikan di Semenanjung Malaysia juga mengalami peningkatan secara mendatar.

Pada tahun 1970 hingga 1975 pula berlaku penurunan kuantiti eksport hasil perikanan secara mendatar iaitu sebanyak 13.25 peratus menjadikan kuantiti eksport ke luar negeri pada tahun 1975 sebanyak 94,514 tan metrik. Pengurangan kuantiti eksport sepanjang tempoh ini adalah berkaitan dengan keadaan ekonomi dunia di tahun 1970an.

"... bersama-sama dengan harga minyak petrol yang telah melambung naik pada tahun 1973, keadaan turun naik kadar pertukaran wang utama antarabangsa serta spekulasi barang yang berleluasa, kadar inflasi antarabangsa telah meningkat dari 7.1 peratus dalam tahun 1970 kepada 21.7 peratus dalam tahun 1974. disebabkan keadaan inflasi ini dasar ekonomi dunia perindustrian telah menumpukan kepada perlunya diadakan sekatan-sekatan fiskal dan kewangan untuk menentukan ianya tidak merebak. Berikut dengan keadaan tersebut, negara-negara Pertubuhan untuk Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD)

didapati kurang menggunakan keupayaan pengeluarannya dan ini menyebabkan aktiviti-aktiviti pengeluaran negara tersebut merosot di akhir tahun 1974".⁶

Berdasarkan kepada apa yang berlaku kepada ekonomi dunia tahun 1974 maka sektor perikanan di Semenanjung Malaysia turut mengalami kesan negatif dengan merosotnya permintaan ikan dunia dalam tempoh berkenaan. Selain daripada itu peningkatan harga minyak dunia telah mengurangkan aktiviti menangkap ikan yang menggunakan bot-bot berenjin yang akan mendatangkan kesan kepada pengurangan pendaratan ikan dan seterusnya menjadikan kuantiti eksport ikan negara.

Namun demikian pada tahun 1975 hingga 1985 sekali lagi kuantiti eksport ikan Semenanjung Malaysia meningkat secara mendatar. Peningkatan secara purata dalam tempoh ini adalah sebanyak 34.36 peratus bagi setiap lima tahun. Peningkatan ini disebabkan oleh pertumbuhan semula ekonomi dunia pada tahun 1984 dan negara pengimport mula menambahkan kuantiti import hasil perikanan dari Semenanjung Malaysia. Dalam tempoh ini Semenanjung Malaysia mengeksport ikan yang meningkat secara mendatar, namun demikian ikan yang dieksport keluar negara adalah yang bernilai tinggi.

"Malaysia telah mengeksport 29,357 tan metrik ikan bermutu tinggi seperti ikan bawal dan ikan tenggiri dalam tempoh enam bulan pertama dalam tahun 1984. Pasaran eksport ikan-ikan ini ialah Singapura dan negeri Jepun".⁷

Dalam tempoh 1985 hingga 1990 pula sekali lagi berlaku kemerosotan kuantiti eksport secara mendatar. Pengurangan peratusan kuantiti eksport ikan adalah sebanyak 7.68 peratus. Kemerosotan eksport ini disebabkan oleh jumlah pendaratan ikan laut yang merosot dalam tempoh

berkenaan yang berpunca dari susutnya sumber-sumber perikanan di kawasan pantai dan kemajuan yang belum memuaskan dalam usaha menangkap ikan di laut dalam.⁸

Hasil eksport ikan Semenanjung Malaysia ke luar negara meningkat secara mendadak sebanyak 52.89 peratus dalam tempoh 1990 hingga 1995 iaitu daripada 147,003 tan metrik pada tahun 1990 kepada 224,754 tan metrik pada tahun 1995. Peningkatan kuantiti eksport yang ketara ini disebabkan oleh peningkatan eksport ke negara-negara pengimpor utama seperti Thailand daripada 47,670 tan metrik pada tahun 1990 kepada 96,653 tan metrik (1995), Jepun 12,744 tan metrik (1990) kepada 17,226 tan metrik (1995), Australia 4,659 tan metrik (1990) kepada 6,239 tan metrik (1995) dan sebagainya. Selain daripada itu, Semenanjung Malaysia telah berjaya mengembangkan kuantiti eksport ikan ke beberapa pasaran baru seperti Itali yang mengimport sebanyak 5,076 tan metrik pada tahun 1995.

Namun demikian kemerosotan kuantiti eksport ikan telah berlaku secara agak mendadak antara tahun 1995 hingga 2000. Kemerosotan kuantiti eksport dalam tempoh ini adalah sebanyak 51.37 peratus menjadikan kuantiti eksport berkurangan kepada 109,295 tan metrik pada tahun 2000. Perkara ini berlaku disebabkan oleh kemerosotan ekonomi dunia yang paling ketara terjadi pada pertengahan tahun 1997. Keadaan ini menyebabkan negara seperti Thailand telah mengurangkan import sebanyak 239.86 peratus, Singapura turut mengurangkan import sebanyak 20.43 peratus dan Jepun sebanyak 74.51 peratus. Di samping itu, lain-lain negara juga turut mengurangkan kuantiti import. Oleh sebab itu sudah pastilah eksport Semenanjung Malaysia akan merosot secara mendadak dalam tempoh berkenaan.


2.2.1 NILAI EKSPORT HASIL PERIKANAN SEMENANJUNG Malaysia

Nilai eksport pada tahun 1960 adalah sebanyak RM18,926,000 dan telah meningkat kepada RM929,500,000 pada tahun 2000. Ini menunjukkan berlaku peningkatan sebanyak 4,811.23 peratus. Peningkatan yang berlipat kali ganda ini disebabkan oleh peningkatan kuantiti eksport ikan di Semenanjung Malaysia. (Sila lihat Rajah 2.2). Selain daripada itu, didapati nilai eksport meningkat lebih besar berbanding dengan peningkatan kuantiti eksport. Perbezaan peningkatan besar nilai dan kuantiti eksport hasil perikanan adalah disebabkan oleh peningkatan harga hasil perikanan di pasaran dunia.

Namun demikian jika diperhalusi trend peningkatan nilai eksport maka didapati antara tahun 1960 hingga 1980, peningkatannya adalah secara mendatar tetapi pada tahun 1980 hingga 1985 telah berlaku penurunan secara mendatar. Bagaimanapun pada tahun 1985 hingga 2000 telah berlaku peningkatan secara mendadak dari segi nilai dan hasil perikanan yang dieksport.

Pada tahun 1960 nilai eksport adalah RM18,926,000 dan meningkat kepada RM243,362,980 pada tahun 1980. Dalam tempoh 20 tahun, peningkatan nilai purata tahunan adalah sebanyak RM11,221,849. Antara tahun 1970 hingga tahun 1975 didapati walaupun kuantiti eksport didapati merosot, namun demikian nilai eksport dalam tempoh berkenaan tetap meningkat. Keadaan ini berlaku kerana dalam tempoh berkenaan Semenanjung Malaysia mengeksport hasil perikanan yang bernilai tinggi seperti ikan dari gred I yang lebih banyak berbanding ikan yang bernilai rendah.

Rajah 2.2 : Eksport Hasil Perikanan Di Semenanjung Malaysia Tahun 1955 - 2000



Sumber : Data-data Disusun Semula Daripada Perangkaan Tahunan Perikanan 1955 – 2000,
Jabatan Perikanan Malaysia, Kuala Lumpur, 1955-2000.

Antara tahun 1980 ke 1985 didapati nilai eksport hasil perikanan mengalami kemerosotan sebanyak 20.95 peratus yang mana pada tahun 1980 nilai eksport adalah RM243,362,980 dan merosot kepada RM192,386,128 pada tahun 1985. Namun demikian dalam tempoh yang sama didapati kuantiti eksport adalah meningkat. Nilai eksport hasil perikanan terus merosot walaupun terdapat pertambahan dalam kuantitinya. Ini disebabkan harga komoditi utama terus merosot. Misalnya harga purata setan metrik ikan segar dan ikan beku yang dieksport dari Semenanjung Malaysia telah merosot daripada \$467 setiap tan metrik dalam tahun 1984 menjadi \$361 dalam tahun 1985. Sementara itu harga bagi *krustacea* dan *moluska fresh, frozen* dan *chilled* juga telah merosot dari \$1,062 menjadi \$945 dalam jangka masa yang sama.⁹

Pada tahun 1985 trend nilai eksport didapati meningkat dengan ketara. Namun demikian jika diperhalusi nilai eksport dan kuantiti eksport akan didapati tiga trend utama. Pada tahun 1985 hingga 1990 didapati nilai eksport meningkat dengan mendadak, namun dalam tempoh yang sama kuantiti eksport merosot. Pada tahun 1990 hingga 1995 didapati nilai dan kuantiti eksport meningkat dengan agak mendadak kerana nilai eksport disumbangkan oleh peningkatan eksport ikan hidup; ikan yang dibekukan; filet ikan yang dibekukan; ikan kering, ikan masin atau di dalam garam tetapi tidak disalai¹⁰ dan sebagainya.

Peningkatan mendadak nilai eksport Semenanjung Malaysia pada tahun 2000 disebabkan oleh penambahan import oleh beberapa negara sebagai contohnya Amerika Syarikat (46.4 peratus), Netherlands (40.1 peratus), Hong Kong (32.7 peratus), Itali (10.3 peratus) dan Singapura (9.5 peratus).


Pada tahun 2000 juga negara pasaran baru komoditi perikanan telah muncul seperti Afghanistan, Albania, Algeria dan sebelas negara yang lain.¹¹ Oleh sebab itu faktor pasaran baru dan pengimport ikan dari negara maju yang kebanyakannya mengimport komoditi perikanan yang bernilai tinggi akan menentukan peningkatan secara mendadak nilai eksport dalam tahun berkenaan.

2.2.2 IMPORT HASIL PERIKANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Dari segi import hasil perikanan di Semenanjung Malaysia didapati peningkatan adalah secara agak mendadak iaitu pada tahun 1955 jumlah kuantiti import sebanyak 6,329 tan metrik meningkat kepada 307,673 tan metrik pada tahun 2000. Peningkatan adalah sebanyak 4,761.32 peratus dalam tempoh berkenaan. Namun demikian, jika dibuat analisis secara terperinci, boleh dikategorikan kepada empat trend utama. Pada 1955 hingga tahun 1975 peningkatan kuantiti import hasil perikanan adalah secara mendatar. Antara tahun 1975 hingga tahun 1985 peningkatan kuantiti import berlaku secara agak mendadak. Pada tahun 1985 hingga 1995 kuantiti import kembali mendatar semula dan seterusnya peningkatan secara mendadak semula di antara tahun 1995 hingga 2000. (Sila lihat Rajah 2.3).

Pada tahun 1955 kuantiti import hasil perikanan di Semenanjung Malaysia adalah sebanyak 6,329 tan metrik dan telah meningkat menjadi 94,873 tan metrik pada tahun 1975. Purata peningkatan kuantiti import dalam tempoh ini adalah sebanyak 4,427 tan metrik setiap tahun. Peningkatan kuantiti import secara mendatar ini berlaku disebabkan oleh permintaan ikan di Semenanjung Malaysia pada masa itu adalah sebahagian besarnya telah ditampung oleh pendaratan ikan dalam negara dan sebahagian kecil sahaja

Rajah 2.3 : Import Hasil Perikanan Di Semenanjung Malaysia Tahun 1955 - 2000



Sumber : Data-data Disusun Semula Daripada **Perangkaan Tahunan Perikanan 1955 – 2000**,
Jabatan Perikanan Malaysia, Kuala Lumpur, 1955-2000.

perlu diimport dari negara luar. Pertambahan penduduk pada masa itu juga adalah perlahan berbanding dengan pertambahan pendaratan ikan dalam tempoh yang sama.

Namun demikian, pada tahun 1975 kuantiti import hasil perikanan di Semenanjung Malaysia telah meningkat secara amat ketara iaitu dari sebanyak 94,873 tan metrik pada tahun 1975 kepada 218,616 tan metrik pada tahun 1985. Purata peningkatan kuantiti import hasil perikanan di Semenanjung Malaysia dalam tempoh ini adalah sebanyak 12,374 tan metrik. Peningkatan kuantiti import ini boleh berlaku kerana penurunan yang agak ketara dalam pendaratan ikan dalam tempoh 1980 hingga 1985 seperti yang dijelaskan sebelum ini. Sementara itu permintaan ikan terus meningkat kerana pertambahan penduduk dan kadar penggunaan ikan. Keadaan ini menyebabkan negara kekurangan sumber hasil perikanan dalam negeri yang menjadi punca kenaikan mendadak import hasil perikanan dari negara luar.

Pada tahun 1985 kuantiti import hasil perikanan di Semenanjung Malaysia ialah 218,616 tan metrik dan meningkat sebanyak 15.23 peratus kepada 251,914 tan metrik pada tahun 1995. Purata peningkatan kuantiti import Semenanjung Malaysia dalam tempoh ini adalah sebanyak 3,330 tan metrik. Peningkatan kuantiti import hasil perikanan dalam tempoh ini berlaku secara mendatar kerana dalam tempoh yang sama berlaku peningkatan dalam pendaratan ikan secara mendadak dan mampu menampung sebahagian besar keperluan penduduk dalam negara tanpa perlu meningkatkan import hasil perikanan dengan banyak.

Pada tahun 1995 kuantiti import hasil perikanan di Semenanjung Malaysia ialah 251,914 tan metrik dan meningkat dengan agak ketara kepada


307,673 tan metrik pada tahun 2000. Peningkatan kuantiti import ini bukan kerana pendaratan ikan yang merosot, kerana pendaratan ikan dalam tempoh itu meningkat secara mendadak. Peningkatan import hasil perikanan adalah disebabkan peningkatan penduduk Semenanjung Malaysia yang ketara akibat daripada kemasukan buruh asing yang bekerja di pelbagai sektor. Keadaan ini secara tidak langsung meningkatkan penggunaan sumber protein daripada ikan yang murah.

Jika dilihat dari segi nilai import pula akan didapati peningkatan yang berlipat kali ganda. Jika diperincikan trend berkenaan akan didapati peningkatan hasil import antara 1960 hingga 1980 adalah secara mendatar, kemudian pada tahun 1980 hingga tahun 1990 berlaku pula peningkatan yang agak mendadak selepas itu trend peningkatan yang hampir menegak berlaku antara tahun 1990 sehingga tahun 2000. Berdasarkan kepada trend ini akan didapati berlaku kenaikan nilai import dalam tiga peringkat. Secara keseluruhannya nilai import di Semenanjung meningkat seiring dengan peningkatan kuantiti hasil perikanan yang diimport.

2.2.3 IMBANGAN DAGANGAN HASIL PERIKANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Pada tahun 1955 lebihan dagangan Malaysia adalah sebanyak 11,491 tan metrik, di mana Semenanjung Malaysia mengeksport lebih banyak daripada mengimport. Trend lebihan kuantiti import ini terus berlaku sehingga ke tahun 1974. Mulai tahun 1975, kuantiti import Semenanjung Malaysia melebihi eksport sehingga ke tahun 2000, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.4. Ini bermakna pada awalnya iaitu antara tahun 1955 hingga 1974 Semenanjung Malaysia lebih banyak mengeksport kuantiti hasil perikanan berbanding mengimport. Namun demikian bermula tahun 1975 Semenanjung

Rajah 2.4 : Perbandingan Eksport Dan Import Hasil Perikanan
Semenanjung Malaysia Tahun 1955 - 2000



Sumber : Data-data Disusun Semula Daripada **Perangkaan Tahunan Perikanan 1955 – 2000**,
Jabatan Perikanan Malaysia, Kuala Lumpur, 1955-2000.

Malaysia mula mengimport hasil perikanan lebih banyak berbanding kuantiti yang dieksport.

Dari segi nilai imbalan dagangan pada tahun 1960 hingga tahun 1964 Semenanjung Malaysia mengalami kerugian dari segi pertukaran mata wang asing kerana lebih banyak mengimport berbanding nilai eksport. Namun demikian bermula tahun 1965 hingga tahun 1980 Semenanjung Malaysia mendapat keuntungan kerana nilai eksport hasil perikanan adalah mengatasi nilai import. Pada tahun 1985 sekali lagi berlaku lebihan nilai import berbanding nilai eksport sehingga tahun 2000, kecuali pada tahun 1990 nilai eksport Semenanjung Malaysia mengatasi nilai hasil perikanan yang diimport.

Walaupun pada tahun 1960 terdapat lebihan kuantiti eksport sebanyak 10,599 tan metrik, namun demikian didapati pada tahun berkenaan nilai import melebihi nilai eksport sebanyak RM9,410,000. Ini bermakna Semenanjung Malaysia mengimport hasil perikanan yang lebih tinggi nilainya berbanding nilai yang dieksport. Pada tahun 1965 lebihan kuantiti eksport berbanding kuantiti import adalah sebanyak 30,332 tan metrik dengan lebihan nilai eksport sebanyak RM3,088,590. Lima tahun kemudian iaitu pada tahun 1970 lebihan eksport hasil perikanan adalah sebanyak 37,430 tan metrik dengan nilai lebihan dagangan sebanyak RM37,976,043.

Mulai tahun 1975 hingga 2000 kuantiti import hasil perikanan sentiasa melebihi kuantiti eksport. Lebihan import 1975 adalah sebanyak 360 tan metrik. Kadar pertambahan kuantiti import telah melebihi kuantiti eksport mulai dari tahun 1975 hingga tahun 1978, sedangkan tahun-tahun sebelumnya kuantiti eksport melebihi dengan banyaknya daripada kuantiti import. Pertambahan di dalam kuantiti import ini kerana berlakunya pertambahan


dalam bilangan penduduk yang mana penduduk Semenanjung Malaysia menjadikan ikan sebagai sumber protein utama dan yang termurah.¹² Namun demikian, didapati nilai eksport adalah melebihi nilai import sebanyak RM87,675,698 yang bermakna Semenanjung Malaysia mengeksport hasil perikanan yang bernilai tinggi dan mengimport hasil perikanan bernilai rendah.

Pada tahun 1980 kuantiti import juga adalah mengatasi kuantiti eksport sebanyak 24,613 tan metrik tetapi nilai eksport masih kekal mengatasi nilai import sebanyak RM113,144,758. Namun demikian pada tahun 1985 nilai dan kuantiti import adalah mengatasi nilai dan kuantiti eksport yang masing-masing 59,392 tan metrik dan RM84,696,545.

Pada tahun 1990 kuantiti import masih lagi mengatasi kuantiti eksport iaitu sebanyak 74,473 tan metrik. Namun demikian nilai eksport adalah mengatasi nilai import sebanyak RM115,200,000. Lima tahun kemudian iaitu pada tahun 1995 nilai dan kuantiti import mengatasi nilai dan kuantiti eksport sebanyak masing-masing 27,160 tan metrik dan RM86,600,000. Pada tahun 2000 import Semenanjung Malaysia sama ada dari segi kuantiti atau nilai masih lagi mengatasi nilai dan kuantiti eksport iaitu lebihan kuantiti import sebanyak RM198,378 dan lebihan nilai import sebanyak RM175,800,000. (Sila lihat Rajah 2.5).

Trend peningkatan nilai eksport bagi Semenanjung Malaysia 1955 - 2000 adalah dipengaruhi oleh beberapa faktor iaitu peningkatan pendaratan ikan dan pertambahan penduduk dunia yang memerlukan keperluan sumber protein dari hasil laut. Negara-negara pengimpor ikan yang mengalami pertambahan penduduk akan mengimport ikan dari negara-negara pengeluar hasil laut seperti Malaysia. Dalam masa yang sama juga terdapat

Rajah 2.5 : Imbangan Dagangan Hasil Perikanan Di Semenanjung Malaysia Tahun 1955 - 2000



Sumber : Data-data Disusun Semula Daripada Perangkaan Tahunan Perikanan 1955 – 2000,
Jabatan Perikanan Malaysia, Kuala Lumpur, 1955-2000.

sesetengah negara menghadapi masalah ketidakcukupan sumber perikanan yang telah mendorong mereka mengimport ikan dari Semenanjung Malaysia.

2.3 PERKEMBANGAN BILANGAN PERKAKAS MENANGKAP IKAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Penggunaan perkakas menangkap ikan sentiasa menunjukkan perkembangan yang seiring dengan perubahan zaman. Kebanyakan peralatan tradisional seperti belat, pukat tangguk dan bубу menunjukkan trend yang menurun. Pada tahun 1955 bilangan belat adalah sebanyak 3,009 unit dan jatuh kepada hanya 87 unit pada tahun 2000. Bilangan pukat tangguk pada tahun 1955 sebanyak 812 unit dan merosot kepada 97 unit pada tahun 2000. Perkakas yang menunjukkan bilangan paling banyak meningkat sejak tahun 1955 adalah pukat hanyut iaitu sebanyak 4,112 unit pada tahun 1955 kepada 10,147 unit pada tahun 2000. (Sila lihat Jadual 2.2). Bagi perkakas menangkap ikan yang moden seperti pukat tunda yang diperkenalkan pada akhir tahun 1950-an dan pukat jerut pula menunjukkan trend yang meningkat sejak tahun 1955. (Sila lihat Rajah 2.6). Peningkatan ini adalah berkaitan dengan usaha pihak kerajaan untuk memaju dan memodenkan sektor perikanan.


Jumlah keseluruhan perkakas menangkap ikan sejak tahun 1955 ke tahun 2000 berlaku beberapa kali kenaikan dan penurunan bilangannya. Peningkatan bilangan perkakas menangkap ikan secara keseluruhan tidaklah sehebat peningkatan pendaratan ikan yang telah dibincangkan sebelum ini. Pada tahun 1955 bilangan keseluruhan perkakas adalah 17,606 unit dan meningkat sebanyak 3.92 peratus pada tahun 2000 kepada 18,296 unit.

Jadual 2.2 : Bilangan Perkakas Menangkap Ikan Di Semenanjung Malaysia Tahun 1955 - 2000

Tahun	Pukat Tunda	Pukat Tarik / Jerut	Pukat Hanyut	Pukat Tanggok	Belat	Bubu	Pancing	Pukat Bakul	Pukat Rentang	Pukat Surong	Memungut Siput	Rampaian	Jumlah
1955	-	2,026	4,006	641	3,795	1,009	2,594	1,375	132	1,262	429	337	17,606
1960	-	2,234	5,513	539	2,029	611	3,988	2,708	173	605	572	519	19,491
1965	20	2,018	6,001	658	1,275	839	3,225	2,147	149	918	393	865	18,508
1970	1,349	2,015	6,850	459	578	728	727	1,602	114	3	1,023	165	15,613
1975	4,168	2,594	7,903	537	356	480	1,381	1,508	107	21	622	218	19,895
1980	4,587	2,692	15,890	302	233	825	2,129	1,830	231	6	3,540	529	32,794
1985	4,652	1,537	13,637	297	287	688	2,973	1,743	148	1	2,594	334	28,891
1990	5,722	1,314	10,499	64	167	354	602	564	238	491	87	329	20,431
1995	4,076	1,574	10,008	118	50	419	1,883	398	65	18	126	353	19,088
2000	4,105	1,268	10,147	91	80	370	1,518	321	16	4	135	241	18,296

Sumber : Data-data Disusun Semula Daripada **Perangkaan Tahunan Perikanan 1955 – 2000**, Jabatan Perikanan Malaysia, Kuala Lumpur, 1955-2000.

Rajah 2.6 : Perkembangan Bilangan Pukat Tunda, Jerut dan Hanyut
Di Semenanjung Malaysia Tahun 1955 – 2000



Sumber : Data-data Disusun Semula Daripada Perangkaan Tahunan Perikanan 1955 – 2000,
Jabatan Perikanan Malaysia, Kuala Lumpur, 1955-2000.

Perkembangan bilangan perkakas ini terutamanya penggunaan pukat tunda dan pukat jerut adalah berkaitan dengan pendekatan modenisasi pihak kerajaan untuk memajukan sektor perikanan di Semenanjung Malaysia. Pukat tunda mula diperkenalkan akhir 1950an dan mula diterima oleh nelayan pada tahun 1963. Nelayan melalui syarikat kerjasama telah menambah bilangan bot-bot ini sama ada secara halal atau haram khasnya di Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Keadaan ini menyebabkan berlakunya kegiatan bot pukat tunda menangkap ikan secara tidak terkawal sehingga ke pinggir pantai. Pukat tunda walaupun efisien tetapi penggunaan tanpa kawalan telah menjadikan sumber perikanan terutama di Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Penggunaan pukat telah meningkat iaitu dari sebanyak 20 unit pada tahun 1965 kepada 4,105 unit pada tahun 2000.

Jika diperhalusi didapati trend peningkatan bilangan pukat tunda antara tahun 1965 hingga 1975 adalah secara mendadak. Iaitu daripada 20 unit pukat tunda pada tahun 1965 telah meningkat kepada 4,168 unit pada tahun 1975. Peningkatan mendadak penggunaan pukat tunda disebabkan oleh pendekatan modenisasi pihak kerajaan terhadap sektor perikanan dengan memberi subsidi kepada nelayan untuk membeli perkakas moden. Kebanyakannya bot pukat tunda ini dibeli oleh Syarikat Kerjasama Nelayan dan juga melalui pinjaman bank.

Pada tahun 1975 ke tahun 1985 peningkatan bilangan pukat tunda adalah secara mendatar, iaitu daripada 4,168 unit tahun 1975 kepada 4,652 unit pada tahun 1985. Keadaan ini berlaku kerana kerajaan mula mengawal penggunaan pukat tunda yang jelas melakukan pembaziran dengan peningkatan pendaratan ikan baja. Keadaan ini telah menyebabkan

pendaratan ikan di sebelah Pantai Barat Semenanjung Malaysia telah melebihi tahap optimum (MSY). Kerajaan mula mengawal pengeluaran lesen pukat tunda dengan tidak mengeluarkan lesen baru dan lesen lama tidak diperbaharui. Dengan ini peningkatan bilangan pukat tunda dalam tempoh ini adalah perlahan.

Pada tahun 1985 bilangan pukat tunda adalah sebanyak 4,652 unit dan meningkat sebanyak 23 peratus kepada 5,722 unit pada tahun 1990. Peningkatan bilangan pukat tunda secara agak mendadak ini adalah kerana pihak kerajaan telah menambahkan pengeluaran lesen pukat tunda. Pengeluaran lesen ini adalah untuk meningkatkan pendaratan ikan laut dalam bagi memenuhi permintaan dalam negara dan juga negara pengimport ikan. Antara tahun 1990 hingga 2000 bilangan pukat tunda merosot secara mendadak iaitu dari sebanyak 5,722 unit pada tahun 1990 kepada 4,105 unit pada tahun 2000. Kemerosotan ini ada hubungannya dengan masalah perusahaan perikanan laut dalam, yang jelasnya menghadapi masalah pengendalian dan kekurangan buruh perikanan.

2.4 PERKEMBANGAN BOT MENANGKAP IKAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Bot menangkap ikan yang beroperasi di Semenanjung Malaysia akan dianalisis bermula dari tahun 1955 hingga 2000. Bot menangkap ikan ini telah dikelaskan kepada tiga kumpulan yang utama, iaitu bot berenjin dalam, bot berenjin sangkut dan bot tidak berenjin. Berdasarkan kepada bilangan setiap kelas bot berkenaan di antara tahun 1955 hingga 2000 didapati bot tidak berenjin semakin merosot bilangannya iaitu dari sebanyak 18,879 buah pada tahun 1955 kepada hanya 184 buah pada tahun 2000. Bot berenjin sangkut pula meningkat dari 3,947 buah pada tahun 1955 kepada 6,240 buah pada

tahun 2000. Bot berenjin dalam pula didapati meningkat secara mendadak dari sebanyak 603 buah pada tahun 1955 kepada 12,140 buah pada tahun 2000. (Sila lihat Rajah 2.7). Peningkatan penggunaan bot berjentera ini ada kaitannya dengan polisi kerajaan untuk memodenkan sektor perikanan seperti memberi subsidi kepada nelayan untuk memiliki bot berjentera.


Peningkatan bilangan bot berenjin dalam paling ketara dari tahun 1955 ke tahun 1980 sebelum bilangannya menurun pada tahun 1985. Peningkatan yang berlaku pada tahun-tahun 1960an dan 1970an ini disebabkan oleh pengenalan penggunaan pukat tunda pada tahun-tahun berkenaan. Merujuk kepada Rancangan Malaysia Ketiga, pengenalan kepada penggunaan pukat tunda dan perkembangan penggunaan pukat jerut maka adalah perlu ditambah bot-bot yang sesuai (enjin dalam).

“Program pelaburan MAJUIKAN dalam tempoh RMT (Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980) akan melibatkan penambahan jumlah bot-bot menangkap ikan.... Sejumlah 240 buah bot pukat tunda akan dibina. Selain dari itu, sebanyak 20 buah bot pukat jerut akan dilancarkan untuk menangkap ikan di permukaan air di perairan jauh dari pantai”.¹³

Antara tahun 1980 ke tahun 1985 pula menunjukkan trend penurunan bilangan bot berenjin dalam yang agak mendadak. Penurunan bilangan bot berenjin dalam di awal tahun 1980an ini ada kaitan dengan usaha kerajaan mengawal aktiviti tangkapan dengan tidak mengeluarkan lesen baru dan lesen lama tidak diperbaharui.

Bilangan bot berenjin sangkut pada tahun 1955 adalah sebanyak 3,947 buah dan meningkat sebanyak 58.09 peratus kepada 6,240 buah pada tahun 2000. Penggunaan bot berenjin sangkut menunjukkan trend penurunan

Rajah 2.7 : Bilangan Dan Jenis Bot Menangkap Ikan Di Semenanjung Malaysia Tahun 1955 - 2000



Sumber : Data-data Disusun Semula Daripada Perangkaan Tahunan Perikanan 1955 – 2000,
Jabatan Perikanan Malaysia, Kuala Lumpur, 1955-2000.

antara tahun 1960 ke tahun 1975 iaitu dari sebanyak 5,002 buah pada tahun 1960 kepada 2,138 buah pada tahun 1975. Antara tahun 1975 ke tahun 1980 peningkatan penggunaan bot berenjin sangkut agak mendadak iaitu dari sebanyak 2,138 buah pada tahun 1975 kepada 6,585 buah pada tahun 2000. Peningkatan ini adalah kerana usaha pemodenan sektor perikanan oleh pihak kerajaan dengan memberi subsidi kepada nelayan untuk memiliki bot-bot berjentera. Namun demikian bilangan bot berenjin sangkut menunjukkan trend kemerosotan secara mendatar mulai tahun 1980 ke tahun 2000 iaitu sebanyak 5.23 peratus. Kemerosotan bilangan bot berenjin sangkut ini kerana usaha Kerajaan mengawal tangkapan ikan dengan mengehadkan pengeluaran lesen.

Secara umum bilangan bot tidak berenjin semakin merosot bilangannya sejak tahun 1955 kecuali hanya antara tahun 1975 ke tahun 1980 berlaku peningkatan sebanyak 40.07 peratus. Pada tahun 1975 bilangan bot tidak berenjin adalah sebanyak 3,928 buah dan telah meningkat kepada 5,520 buah pada tahun 1980. Kemerosotan bilangan bot yang tidak berenjin antara tahun 1955 ke tahun 2000 adalah disebabkan oleh usaha kerajaan untuk memodenkan peralatan menangkap ikan seperti memberi subsidi untuk membolehkan mereka memiliki bot-bot yang berenjin. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga, kerajaan terus membantu nelayan dengan skim-skim subsidi untuk membeli peralatan terutamanya bot-bot yang mempunyai kelengkapan moden.

"Skim-skim subsidi bagi nelayan-nelayan akan terus diadakan untuk menambahkan daya pengeluaran dan membolehkan mereka menggunakan bot-bot yang mempunyai alat kelengkapan moden".¹⁴

Secara keseluruhannya didapati perkembangan bilangan bot menangkap ikan mengalami peningkatan yang ketara bagi jenis berenjin dalam

dan bot berenjin sangkut. Bagi jenis bot tidak berenjin didapati trend yang menurun sejak tahun 1955. Dari segi jumlah keseluruhan bilangan bot ménangkap ikan berlesen didapati kemuncak bagi biangan bot yang dilesenkan adalah pada tahun 1980 yang mana bilangannya mencecah 30,520 buah.

2.5 PERKEMBANGAN BILANGAN NELAYAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Bilangan nelayan yang bekerja di atas bot berlesen di Semenanjung Malaysia pada tahun 1955 hingga tahun 2000 menunjukkan satu trend perubahan bilangan yang tidak menentu. Semua ini berlaku kerana pelbagai faktor khasnya faktor campur tangan pihak Kerajaan dalam menguruskan sektor perikanan.

Kemerosotan bilangan nelayan mulai tahun 1980 adalah disebabkan oleh usaha kerajaan untuk mengurangkan bilangan nelayan dengan menggalakkan mereka menyertai sektor pekerjaan lain. Mengikut laporan Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MAPEN) pada tahun 1991, negara mengalami lebihan nelayan seramai 30,000 orang :

“Mengikut tinjauan Kerajaan, akibat daripada pengurangan sumber perikanan, kini terdapat ‘lebihan nelayan’ seramai 30,000 yang telah digalakkan beralih ke sektor pekerjaan lain. Bagaimanapun, kebanyakan nelayan kecil tidak bersetuju dipindahkan kepada pekerjaan lain”.¹⁵

Namun demikian apa yang menjadi persoalan kepada rancangan kerajaan untuk mengurangkan bilangan nelayan pada 1980-an, ialah bertambahnya dengan agak ketara bilangan nelayan Thai. Keadaan ini seolah-olah pihak kerajaan lebih mengutamakan nelayan asing untuk


mendaratkan ikan di Semenanjung Malaysia. Ini juga kemungkinan berlaku disebabkan rancangan kerajaan untuk meneroka sumber-sumber perikanan laut dalam yang memerlukan golongan nelayan yang berkemahiran dari negara jiran (Thailand) untuk bekerja di bot-bot yang lebih moden. Keadaan ini akhirnya meningkatkan bilangan nelayan Thai berbanding nelayan Cina dan Melayu antara tahun 1980 ke tahun 2000. (Sila lihat Rajah 2.8).

Selain daripada itu, kemerosotan bilangan nelayan Cina dan Melayu yang berlaku antara tahun 1980 ke tahun 2000 juga disebabkan oleh sumber pendapatan dari sektor perikanan pinggir pantai tidak menjanjikan pulangan yang lumayan berbanding sektor industri yang mula berkembang di Semenanjung Malaysia sejak tahun 1980-an. Mengikut kajian Separuh Penggal rancangan Malaysia Kelima :

"Pendapatan yang diperoleh secara langsung dari aktiviti perikanan masih rendah. Pada puratanya nelayan di Pantai Barat di Semenanjung Malaysia mendapat \$213.00 sebulan dan nelayan di negeri-negeri Pantai Timur mendapat \$206.00 sebulan".¹⁶

Dari segi komposisi nelayan mengikut keturunan, didapati terdapat lapan kumpulan iaitu terdiri daripada Melayu, Cina, India, Orang Asli, Portugis, Thai, Indonesia dan lain-lain. Secara keseluruhannya sektor perikanan di Semenanjung Malaysia didominasi oleh nelayan berketurunan Melayu. Ini diikuti oleh nelayan berketurunan Cina dan seterusnya keturunan Thai. Jika melihat kepada corak perubahan bilangan nelayan, didapati bilangan nelayan keturunan Melayu dan Cina merosot selepas peningkatan tertinggi pada tahun 1980. Perangkaan yang menurun sejak tahun 1980an

Rajah 2.8 : Bilangan Nelayan Yang Bekerja Di Atas Bot-Bot Berlesen Di Semenanjung Malaysia Tahun 1955 - 2000



Sumber : Data-data Disusun Semula Daripada Perangkaan Tahunan Perikanan 1955 – 2000,
Jabatan Perikanan Malaysia, Kuala Lumpur, 1955-2000.

kerana kerajaan cuba mengawal penangkapan ikan dengan mengurangkan bilangan nelayan.

Namun demikian didapati bilangan nelayan keturunan Thai yang dikaji menunjukkan pola peningkatan yang agak ketara. Semua perubahan yang berlaku ini sangat berkaitan dengan perkembangan yang berlaku dalam sektor perikanan di Semenanjung Malaysia khasnya dengan berkembangnya operasi menangkap ikan di laut dalam yang memerlukan buruh perikanan mahir dari Thailand.

Apabila kerajaan berusaha untuk memajukan sektor perikanan laut dalam, maka tidak dapat dielakkan penggunaan buruh perikanan yang mahir. Oleh kerana sektor perikanan laut dalam di Malaysia masih baru berbanding dengan negara jiran (Thailand) yang telah bermula lebih awal, maka adalah perlu nelayan tempatan mempelajari teknologi perikanan laut dalam. Apa yang penting di sini ialah penggunaan tenaga buruh perikanan yang mahir dengan teknologi moden. Pelbagai langkah telah diambil untuk memastikan pembangunan industri perikanan laut dalam akan membawa keuntungan maksimum kepada negara. Langkah tersebut termasuklah pengeluaran permit laut dalam dan latihan kepada nelayan, namun begitu industri penangkapan ikan laut dalam masih lagi bergantung kepada penggunaan tenaga kerja asing. Dengan penglibatan bot carter dalam industri laut dalam, bilangan nelayan Thai telah bertambah daripada 126 orang pada 1955¹⁷ kepada 9,219 orang pada tahun 2000.¹⁸ Bilangan nelayan Thai di Semenanjung Malaysia hanya mengalami sekali penurunan iaitu sebanyak 61.90 peratus antara tahun 1955 ke tahun 1960.

Pihak kerajaan telah mengadakan pelbagai skim untuk memajukan nelayan. Ini termasuk menyediakan pelbagai subsidi dan latihan dalam bidang perikanan yang bertujuan untuk memodenkan dan meningkatkan kemahiran mereka dalam operasi menangkap ikan. Dalam Rancangan Malaysia Kedua latihan dari segi perikanan laut telah dijalankan di dua buah sekolah perikanan laut di Terengganu dan Pahang, Pembinaan Institut Latihan Nelayan di Pukau Pinang yang menerima bantuan Rancangan Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (RPBB) telah dimulakan dalam tahun 1970. Institut ini akan mengeluarkan seramai 50 orang nelayan setahun yang terlatih dalam bidang pelayaran, kejuruteraan laut dan cara menangkap ikan.¹⁹

Apabila berlakunya kemerosotan bilangan nelayan tempatan khasnya dalam sektor perikanan laut dalam yang berteknologi tinggi, maka salah satu alternatif yang dijalankan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini adalah dengan mengeluarkan permit kepada nelayan Thai untuk bekerja di atas bot perikanan laut dalam. Keadaan ini telah menyebabkan nelayan Thai mengambil kesempatan ini untuk menyertai operasi perikanan di laut dalam di Semenanjung Malaysia.

2.6 LATAR BELAKANG PERUSAHAAN PERIKANAN DI TOK BALI

Tok Bali adalah pusat kegiatan perusahaan perikanan laut dalam yang utama di Semenanjung Malaysia yang dirancang oleh pihak Kerajaan. Penyediaan pelbagai kemudahan di Tok Bali oleh pihak Kerajaan adalah untuk meningkatkan pendaratan ikan dari kawasan laut dalam. Ini seperti yang dijelaskan dalam Laporan Ekonomi 2004/2005.


"To further develop the fishing sub-sector, the Government introduced specific measures for coastal and deep-sea fishing. Deep-sea fishing is given priority due to its higher returns and

vast fishing areas. Measures undertaken include upgrading support facilities and infrastructures, such as fish landing complexes and ice factories, upgrading the Kuantan and Tok Bali ports in Peninsular Malaysia and the new integrated Tanjung Manis Port, Sarawak as dedicated deep-sea ports. In addition, new technologies and equipment were introduced and training was extended for deep-sea fishermen to enhance their catch".²⁰

Perusahaan perikanan laut dalam yang menggunakan bot-bot dengan muatan tertentu memerlukan sebuah pelabuhan tempat pendaratan ikan dan Tok Bali terpilih kerana keadaan fizikalnya yang sesuai untuk tujuan berkenaan. Kedudukan Tok Bali yang menghadap kepada Laut China Selatan amat sesuai dijadikan pelabuhan perikanan laut dalam yang terbesar di Semenanjung Malaysia kerana sumber perikanan di Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) yang luas di bahagian Pantai Timur Semenanjung Malaysia masih belum diusahakan sepenuhnya berbanding Pantai Barat. (Sila lihat Peta 2.1). Selain dari itu kegiatan perikanan di perairan Pantai Timur Semenanjung Malaysia belum mencapai tahap optimum (MSY) berbanding di perairan Selat Melaka. Keadaan Selat Melaka yang sempit dan sibuk dengan laluan kapal serta terdedah kepada pelbagai bentuk pencemaran dan kegiatan lanun boleh menjelaskan kegiatan perikanan. Dengan pembukaan Tok Bali sebagai pusat perikanan laut dalam di Pantai Timur Semenanjung Malaysia maka ia dapat meningkatkan pendaratan ikan laut dalam dari Laut China Selatan..

Tok Bali merupakan sebuah pekan kecil yang terletak di pinggir pantai berhampiran kuala Sungai Semerak di negeri Kelantan. (Sila lihat Peta 1.1). Tok Bali terletak 40 kilometer ke Tenggara Kota Bharu. Bandar terdekat adalah Pasir Puteh yang terletak 25 kilometer ke Barat Daya Tok Bali. Cuaca di Tok Bali dicirikan oleh angin Monsun Timur Laut yang bertiup dari bulan November ke Mac. Angin Monsun Timur Laut akan membawa hujan lebat

Peta 2.1 : Kedudukan Tok Bali, Kelantan Di Asia Tenggara




terutamanya kepada negeri-negeri di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Keadaan cuaca di Tok Bali ini akan menjelaskan operasi bot-bot kecil semasa musim angin Monsun Timur Laut yang menyebabkan laut bergelora dan berbahaya. Dari segi fizikalnya Tok Bali terletak di tepi kuala sungai yang bertebing curam dan mempunyai kedalaman air yang sesuai untuk dijadikan pelabuhan. Keadaan ini membolehkan bot-bot besar melakukan pendaratan ikan tanpa dipengaruhi oleh pasang dan surut air laut.

2.6.1 NELAYAN DI TOK BALI

Bilangan keseluruhan nelayan di Tok Bali didapati meningkat secara mendatar dalam tempoh 1997 ke tahun 2000. Pada tahun 1997 bilangan keseluruhan nelayan di Tok Bali adalah seramai 1,726 orang dan meningkat sebanyak 22 peratus kepada 2,106 orang pada tahun 2000. Kemuncak bilangan nelayan di Tok Bali adalah pada tahun 1998 iaitu seramai 2,171 orang. (Sila lihat Rajah 2.9).

Terdapat dua kumpulan utama nelayan di Tok Bali iaitu Bumiputra dan warga Thailand. Bilangan nelayan Bumiputra di Tok Bali menunjukkan trend yang semakin merosot sejak tahun 1997 ke tahun 2000. Pada tahun 1997 bilangan nelayan Bumiputra adalah seramai 835 orang dan merosot sebanyak 30.83 peratus menjadikan bilangan nelayan Bumiputra pada tahun 2000 hanya seramai 590 orang. Dalam tempoh yang sama, bilangan nelayan Thai telah meningkat dengan agak ketara iaitu dari seramai 873 orang pada tahun 1997 kepada 1,516 orang pada tahun 2000. Peningkatan sebanyak 75.38 peratus ini adalah amat ketara jika mengambil kira kemerosotan bilangan nelayan Bumiputra.

Rajah 2.9 : Bilangan Nelayan Yang Bekerja Di Atas Bot-Bot Berlesen Di Tok Bali, Kelantan 1997 - 2000



Sumber : Data-data Disusun Semula Daripada Perangkaan Tahunan Perikanan 1955 – 2000,
Jabatan Perikanan Malaysia, Kuala Lumpur, 1955-2000.

Pada tahun 1997 bilangan nelayan Thai adalah 50.58 peratus dari keseluruhan nelayan di Tok Bali, tetapi pada tahun 2000 peratusan nelayan Thai meningkat kepada 71.98 peratus. Ini mencerminkan pertumbuhan pesat bilangan nelayan Thai di Tok Bali. Sebagai perbandingan bermakna setiap 10 nelayan, tujuh adalah nelayan Thai berbanding tiga nelayan tempatan. Nelayan Thai dalam kajian ini bekerja di 11 buah syarikat perikanan laut dalam. Bilangan bot dalam 11 buah syarikat ini ialah 58 buah yang mempunyai seramai 1,752 orang buruh perikanan Thai iaitu seperti ditunjukkan dalam Jadual 2.3. Secara purata bilangan nelayan Thai yang bekerja di setiap bot adalah seramai 30 orang.

Perkembangan bilangan nelayan Thai di Tok Bali ini menggambarkan pelabuhan perikanan di Tok Bali yang lengkap dengan segala kemudahan moden mengalami masalah besar iaitu kekurangan nelayan tempatan yang berminat dalam operasi menangkap ikan di laut dalam. Keadaan ini berlaku apabila pendekatan pemodenan sektor perikanan di Tok Bali tidak seiring dengan kemahiran dan minat nelayan tempatan untuk bekerja di atas bot-bot laut dalam.

Keadaan ini menyebabkan nelayan tempatan bekerja di bot-bot kecil yang beroperasi di perairan pinggir pantai manakala nelayan Thai pula bekerja di atas bot-bot besar di laut dalam. Apa yang berlaku ini menggambarkan keadaan yang tidak seimbang di antara dua kumpulan nelayan di kawasan kajian dan mewujudkan pola dualisme. Satu kumpulan dari kalangan nelayan tempatan yang menjalankan operasi menangkap ikan secara kecil-kecilan di atas bot tidak berjentera atau berjentera sangkut dengan

Jadual 2.3 : Penggunaan Buruh Perikanan Thai Dalam Setiap Kategori Bot Di Syarikat Perikanan Di Tok Bali, Kelantan Pada 2002

Nama Syarikat/ Alamat	No. Tetap Vesel	Nama Vesel	Nama Taikong	Jenis Perkakas	Muatan	Bilangan Kru
Perikanan Laut Dalam Jet. 7, No. 7, Kompleks LKIM K. Besar, 15350 Kota Bharu, Kelantan	KNF 1073C	Sermsap	Sayan Prombo	Tunda	71.63	7
	KNF 1074C	Sirichonnawa 11	Phansa Chant	Tunda	111.21	7
	KNF 1075C	Wor Sermsap	Sayan Chanmu	Tunda	87.70	7
	KNF 1076C	Kor Jaroen Phant 6	Sommat Sang	Tunda	159.15	10
	KNF 1077C	Por Thai Phatthana	Manot Nonk	Tunda	91.60	10
	KNF 1078C	Phor Nihitsanu	Bunsom Limsa	Jerut	256.58	30
Ab. Manan Bin Manas. Kg. Sri Melati KM 17 Jln. Pekan, Kuantan	KNF 1040C	Mitsamut	Paisan	Tunda	73.92	10
	KNF 1100C	Por. Yaonaluck 2	Dokrat Hunpra	Tunda	90.66	10
Maznan Fisheries Sdn. Bhd 1010 Kweng Hitam 18500 Machang, Kelantan	KNF 1051C	Phor Lapvaree 4	Sa Bod	Jerut	251.47	36
	KNF 1053C	Sor-Lab-Wa-Ree 7	Narin Thanlaw	Jerut	255.04	36
	KNF 1054C	Phor Lapvaree 5	Rewat Bencha	Jerut	226.94	35
	KNF 1080C	Aungkanava 1	Perd	Jerut	140.81	32
	KNF 1081C	Aungkanava 2	Nong	Jerut	118.12	34
	KNF 1082C	Choksamut 1	Teik	Jerut	211.74	35
	KNF 1083C	Chokmanasap	Chuyan	Jerut	245.69	33
	KNF 1084C	K.Lapwaree 27	Thip	Jerut	113.71	36
	KNF 1085C	Roa Israpomcha 1	Pad	Jerut	129.43	35
	KNF 1086C	Phor Teerayootvaree	Rapin	Jerut	134.72	33
	KNF 1087C	Phor Laprancee	Noi	Jerut	128.95	35
	KNF 1088C	Choksamut 3	Wak Sin	Jerut	138.30	33
	KNF 1069C	K.Lapwaree 29	Chu Chat	Jerut	107.97	34
	KNF 1058C	Siripong 19	Yan	Jerut	155.51	40
	KNF 1059C	Siripong 25	Damrong	Jerut	100.91	30
	KNF 1060C	Choksunthon	Prasert	Jerut	90.60	30
Mirapro Sdn. Bhd 25-1 Jln. Medan Tunku 50300 Kuala Lumpur	KNF 1061C	Lapwarinta	Prapan	Jerut	110.72	26
Jati Sejati Sdn. Bhd. Lot 405, Sg. Semerak, Tok Bali 16800 Pasir Puteh, Kelantan	KNF 1005C	Ph. Wanwepa	Rewat Bencha	Jerut	147.06	35

... Sambungan Jadual 2.3.

Nama Syarikat/ Alamat	No. Tetap Vesel	Nama Vesel	Nama Taikong	Jenis Perkakas	Muatan	Bilangan Kru
Yee Trading & Resources Management Sdn. Bhd. 387-E, PT 21, Tkt 1, Block C, Bangunan PKINK, Buluh Kubu, 15300 Kota Bharu	KNF 1064C	Navasamut 11	Eakachai	Jerut	128.64	30
	KNF 1065C	K.Lapwaree 6	Tanokon Taiba	Jerut	143.97	40
	KNF 1066C	Sinsamat 15	Suriya Hongt	Jerut	125.28	35
	KNF 1067C	Sinsamat 21	Bovon Seekon	Jerut	145.57	40
	KNF 1068C	Prasittiporn 29	Bunrung	Jerut	189.55	40
	KNF 1069C	Navasamut 19	Manat Mora	Jerut	133.59	40
	KNF 1070C	Bor. Lapvaree 4	Sunan Nooka	Jerut	158.75	40
	KNF 1071C	Chok Chareon 16	Vod Jant	Jerut	130.76	40
	KNF 1072C	Chor Charon 11	Laid Yuusuk	Jerut	130.51	40
	KNF 1079C	Wichaiwaree	Yupa Pleumka	Jerut	124.96	36
Gold Bridge Enginee & Cons. Sdn.Bhd. Metro Building 214 & 215, Jln. Negara 2, Tmn. Melawati, 53100 Kuala Lumpur	KNF 1090C	Choktawi 7	Phaiton	Jerut	94.16	30
	KNF 1091C	Ruangdet 3	Surin Jenyang	Jerut	126.50	35
	KNF 1092C	Kiatnawa 3	Suchat	Jerut	131.33	30
	KNF 1093C	Lapwarphon 9	Kanonchai	Jerut	94.76	32
	KNF 1094C	Sor Sunisanumchok	Narong	Jerut	82.51	30
	KNF 1095C	Chokwarin	Phaitun	Jerut	86.56	35
Bedor Enterprise Lot 393, Kg. Peramu, 26060 Kuantan, Pahang	KNF 1096C	Than. Chainavee 15	Rot	Jerut	115.52	30
	KNF 1097C	Choksawut 11	Ponchai	Jerut	94.47	30
	KNF 1098C	Choksupasom	Wichian	Jerut	96.89	30
Tohaini Bin Mohd Lot 1715, Kg. Alor Akar, Jejawi, 22300 Kuala Besut	KNF 1101C	Sirichai 8	Ghanyaphon	Jerut	106.34	31
	KNF 1102C	Terrathip 21	Santi	Jerut	132.79	35
	KNF 1103C	Terrathip 26	Sawan	Jerut	124.30	30
	KNF 1104C	Terrathip 19	Phatapat	Jerut	104.19	30
	KNF 1105C	Terrathip 11	Phongsat	Jerut	116.63	30
CM Fishery (M) Sdn. Bhd. No 15, Tkt. 1, Shahab Perdana, 05150 Alor Setar, Kedah.	KNF 1113C	Tharathip 98	Navatri	Jerut	119.06	30
	KNF 1114C	Tharathip 17	Somchai	Jerut	110.58	30
	KNF 1115C	Tharathip 9	Pradit	Jerut	107.35	30
	KNF 1116C	Tharathip 18	Amom	Jerut	98.83	30
	KNF 1117C	Laemthong 28	Rothipma	Jerut	156.31	30
	KNF 1118C	Laemthong 29	Sulaiman	Jerut	139.22	30
	KNF 1119C	Sor. Dennawee	Phanu	Jerut	192.70	30
	KNF 1120C	Sor. Dennawee	Sanan	Jerut	99.88	30

Sumber : Data-data Disusun Semula Daripada Jabatan Perikanan Kelantan Sehingga April 2002.

pulangan yang kecil dan satu kumpulan lagi menjalankan operasi secara besar-besaran di atas bot-bot laut dalam dengan pulangan yang lebih lumayan.


2.6.2 BOT PERIKANAN DI TOK BALI

Bilangan bot menangkap ikan di Tok Bali secara keseluruhannya adalah merosot iaitu dari 452 unit pada tahun 1997 kepada 395 unit dalam tahun 2000. (Sila lihat Rajah 2.10). Namun demikian jika diperhalusi mengikut kategori jentera, didapati bot berjentera dalam mengalami peningkatan secara mendatar iaitu dari 325 unit pada tahun 1997 kepada 338 unit pada tahun 2000. Bot berjentera sangkut pula didapati mengalami trend yang merosot secara mendatar dalam tempoh yang sama iaitu dari 120 unit pada tahun 1997 kepada 57 unit pada tahun 2000. Bermula dari tahun 1998 kesemua bot di Tok Bali menggunakan jentera. Bot tidak berjentera hanya digunakan pada tahun 1997 iaitu sebanyak tujuh buah. Penggunaan bot di Kawasan Tok Bali secara keseluruhannya adalah berjentera dalam iaitu lebih 80 peratus dari keseluruhan bot sejak tahun 1998.

Keadaan ini menunjukkan nelayan di kawasan Tok Bali sedang mengalami pemodenan dari segi penggunaan peralatan dan perkakas. Oleh kerana Tok Bali merupakan pelabuhan perikanan laut dalam maka bot-bot yang digunakan dalam operasi menangkap ikan adalah berjentera dalam. Bot berjentera dalam sangat penting dalam operasi menangkap ikan di laut dalam, yang mana bot-bot ini boleh beroperasi dalam jarak yang lebih jauh dari pantai serta mampu beroperasi dalam jangka masa yang lama di lautan tanpa dipengaruhi oleh cuaca.

Had muatan bot-bot laut dalam yang beroperasi di Tok Bali adalah dalam kelas melebihi 70 GRT iaitu kelas C2. Bot paling banyak

Rajah 2.10 : Bilangan Dan Jenis Bot-Bot Berlesen Di Tok Bali, Kelantan 1997 - 2000



Sumber : Data-data Disusun Semula Daripada **Perangkaan Tahunan Perikanan 1955 – 2000**,
Jabatan Perikanan Malaysia, Kuala Lumpur, 1955-2000.

digunakan di Tok Bali adalah dalam kelas muatan 111-130.9 GRT iaitu 26 peratus. Maklumat lanjut mengenai kelas muatan bot di kawasan kajian ditunjukkan dalam Jadual 2.4. Setiap syarikat perikanan sekurang-kurangnya mempunyai sebuah bot dan paling banyak 13 buah bot. Didapati bot-bot ini dimiliki oleh pelbagai syarikat yang sesetengahnya beralamat di luar negeri Kelantan seperti Kuantan, Kuala Lumpur, Kuala Besut dan Alor Setar.

2.6.3 PERKAKAS MENANGKAP IKAN DI TOK BALI

Pukat jerut merupakan perkakas utama yang digunakan untuk menangkap ikan di laut dalam. Terdapat 1,691 orang buruh perikanan Thai yang bekerja di atas 51 buah bot yang menggunakan pukat jerut manakala 61 orang lagi bekerja di atas tujuh buah bot yang menggunakan pukat tunda. Berdasarkan kepada angka ini didapati bot yang menggunakan perkakas pukat jerut memerlukan lebih ramai buruh iaitu secara purata 33 orang bagi setiap bot berbanding hanya lapan orang bagi bot pukat tunda.

2.6.4 PENDARATAN IKAN DI TOK BALI

Pendaratan ikan di Tok Bali menyumbang sekurang-kurangnya 50 peratus pendaratan ikan bagi negeri Kelantan sejak tahun 1998. Sumbangan pendaratan ikan di Tok Bali bagi seluruh Semenanjung Malaysia telah meningkat dari 1.93 peratus tahun 1997 kepada 3.51 peratus pada tahun 2000 iaitu seperti ditunjukkan dalam Jadual 2.5. Keadaan ini mencerminkan sumbangannya penting Tok Bali dalam meningkatkan pendaratan ikan di Semenanjung Malaysia kebelakangan ini.

Pendaratan ikan di Tok Bali meningkat dengan agak mendadak sejak tahun 1997 ke tahun 2000. Dalam tempoh berkenaan, pendaratan ikan meningkat sekali ganda iaitu dari sejumlah 16,135 tan metrik pada tahun 1997

**Jadual 2.4 : Kelas Muatan Bot Di Tok Bali, Kelantan
Tahun 2002**

Kelas Muatan Bot	Bot	
	Bilangan	Peratusan
70 – 90.9 GRT	7	12
91 – 110.9 GRT	14	24
111 – 130.9 GRT	15	26
131 – 150.9 GRT	10	17
151 – 170.9 GRT	4	7
Lebih 171 GRT	8	14
Jumlah	58	100

Sumber : Data-data Disusun Semula Daripada Jabatan Perikanan Kelantan Sehingga April 2002.

Jadual 2.5 : Sumbangan Pendaratan Ikan Di Tok Bali Bagi Kelantan Dan Semenanjung Malaysia Tahun 1997 - 2000

Tahun	Semenanjung Malaysia (Tan Metrik)	Kelantan (Tan Metrik)	Tok Bali		
			Pendaratan (Tan Metrik)	Peratus Bagi Kelantan	Peratus Bagi Semenanjung
1997	837,574	34,136	16,135	47.27	1.93
1998	901,933	41,546	22,857	55.02	2.53
1999	903,282	50,687	30,653	60.48	3.39
2000	933,893	60,917	32,769	53.79	3.51

Sumber : Data-data Disusun Semula Daripada **Perangkaan Tahunan Perikanan 1997 - 2000**, Jabatan Perikanan Malaysia, Kuala Lumpur, 1997 - 2000.

kepada 32,769 tan metrik pada tahun 2000. Peningkatan pendaratan ikan yang agak ketara ini ada kaitannya dengan usaha kerajaan untuk memodenkan kegiatan perikanan di Tok Bali seperti menggalakkan penggunaan bot-bot laut dalam dan juga perkakas moden seperti pukat jerut dan pukat tunda. Selain itu, pendaratan ikan yang ketara ini ada kaitannya dengan usaha kerajaan untuk menjadikan Tok Bali pelabuhan perikanan laut dalam yang terbesar di Malaysia. Dengan segala kelengkapan seperti kompleks pendaratan ikan untuk bot-bot laut dalam, kilang air batu, bilik dingin beku dan bilik sejuk, loji air dan sebagainya maka ia akan memberi kemudahan kepada bot-bot laut dalam yang beroperasi di sini.

Nilai ikan yang didararkan di Tok Bali menunjukkan trend yang meningkat sejak tahun 1997 sehingga tahun 2000 iaitu seiring dengan kuantiti pendaratan ikan. Pada tahun 1997 nilai pendaratan ikan di Tok Bali adalah RM46,761,939 dan meningkat sebanyak 184 peratus kepada RM86,048,726 pada tahun 2000. Namun demikian jika diperhalusi didapati nilai pendaratan ikan adalah merosot bagi setiap tan metrik iaitu seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.6. Keadaan ini berlaku kerana ada kaitannya dengan kualiti ikan yang didararkan di Tok Bali.

2.7 KESIMPULAN

Peningkatan permintaan ikan dari dalam dan luar negara telah menyebabkan pihak kerajaan berusaha menampung permintaan ini dengan meningkatkan pendaratan ikan. Tumpuan utama pendaratan ikan ialah dari laut dalam kerana ia masih belum berkembang pesat lagi. Untuk mencapai matlamat meningkatkan pendaratan ikan laut dalam maka pihak kerajaan telah menyediakan pelbagai kemudahan seperti pelabuhan laut dalam, kompleks-

**Jadual 2.6 : Pendaratan Ikan Dan Nilai Pendaratan
Di Tok Bali, Kelantan Tahun 1997 - 2000**

Tahun	Pendaratan (Tan Metrik)	Nilai (RM)	Harga (RM/Tan Metrik)
1997	16,135	46,761,939	2,898.17
1998	22,857	65,257,783	2,855.05
1999	30,653	79,825,109	2,604.15
2000	32,769	86,048,726	2,625.92

Sumber : Data-data Disusun Semula Daripada **Perangkaan
Tahunan Perikanan 1997 - 2000**, Jabatan Perikanan
Malaysia, Kuala Lumpur, 1997 - 2000.

kompleks pendaratan ikan dan sebagainya. Namun demikian kemajuan pelbagai usaha dalam penyediaan prasarana ini tidak seiring dengan kemajuan penyediaan tenaga manusia yang akan bekerja di atas bot laut dalam. Keadaan ini telah menyebabkan kegiatan perikanan di laut dalam tidak mempunyai buruh perikanan tempatan yang mencukupi. Bagi menampung kekurangan buruh perikanan ini, pihak kerajaan telah membenarkan kemasukan buruh perikanan Thai untuk bekerja di atas bot-bot laut dalam. Peluang yang diberi oleh kerajaan ini telah mendorong kemasukan beramai-ramai buruh Thai dalam industri perikanan laut dalam di Malaysia, khususnya di Tok Bali, Kelantan.

NOTA HUJUNG

- ¹ Mohammad Raduan Mohd. Ariff, **Perusahaan Perikanan Di Semenanjung Malaysia**, Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1988, hal. 69.
- ² Kementerian Kewangan Malaysia, **Laporan Ekonomi 1988/1989**, Kuala Lumpur, 1988, hal. 79.
- ³ Kerajaan Malaysia, **Rancangan Malaysia Ketujuh**, Jabatan Cetak Kerajaan, Kuala Lumpur, 1996, hal. 247.
- ⁴ Ikan baja ialah anak-anak ikan yang terlalu kecil yang telah didaraskan. Ikan ini tidak mempunyai nilai perdagangan ia hanya digunakan sebagai makanan ternakan ataupun dibuat baja dagangan, sila lihat *Ibid.*, hal. 81.
- ⁵ Mohammad Raduan Mohd. Ariff, Op.Cit., hal. 81-85.
- ⁶ Kerajaan Malaysia, **Rancangan Malaysia Ketiga, 1976-80**, Jabatan Cetak Kerajaan, Kuala Lumpur, 1976, hal. 147.
- ⁷ Kementerian Kewangan Malaysia, **Laporan Ekonomi 1984/1985**, Kuala Lumpur, 1984, hal. 139.
- ⁸ Kementerian Kewangan Malaysia, **Laporan Ekonomi 1987/1988**, Kuala Lumpur, 1987, hal. 61.
- ⁹ Jabatan Perikanan Malaysia, **Perangkaan Tahunan Perikanan 1985**, Kuala Lumpur, 1985, hal. xv-xvi.
- ¹⁰ Jabatan Perikanan Malaysia, **Perangkaan Tahunan Perikanan 1995**, Kuala Lumpur, 1995, hal. 9.
- ¹¹ Jabatan Perikanan Malaysia, **Perangkaan Tahunan Perikanan Eksport/Import 2000**, jilid 2, Kuala Lumpur, 2000, hal. 4-5.
- ¹² Mohammad Raduan Mohd. Op.Cit., hal. 113.
- ¹³ Kerajaan Malaysia, **Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980**, Jabatan Cetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, 1976, hal. 336.
- ¹⁴ *Ibid.*
- ¹⁵ Kementerian Kewangan Malaysia; **Laporan Majlis Perundingan Ekonomi Negara**, Kuala Lumpur, 1991, hal. 209.
- ¹⁶ Kerajaan Malaysia, **Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990**, Jabatan Cetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, 1989, hal. 145.

¹⁷ Jabatan Perikanan Malaysia, **Perangkaan Tahunan 1955**, Kuala Lumpur, 1955, hal. 10.

¹⁸ Jabatan Perikanan Malaysia, **Perangkaan Tahunan Perikanan 2000**, Kuala Lumpur, 2000, hal. 50.

¹⁹ Kerajaan Malaysia, **Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975**, Jabatan Cetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, 1971, hal. 145.

²⁰ Kementerian Kewangan Malaysia, **Laporan Ekonomi 2004/2005**, Kuala Lumpur, 2004, hal. 41-42.